

Jangan tunggu dijajah semula untuk

sedar
BH - 4 JUL 2000

IPOH. Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat tidak perlu menunggu hingga dijajah semula oleh kuasa asing untuk sedar pentingnya mempertahankan kemerdekaan negara.

Perdana Menteri berkata, jika dijajah semula beliau yakin kita tidak mampu bangkit membebaskan diri sebagaimana yang berjaya dilakukan oleh pejuang kemerdekaan terdahulu.

Ini kerana, katanya, penjajah zaman moden lebih cerdik dan berkuasa, selain mempunyai kaedah tersendiri untuk menekan negara yang ingin dijajahnya.

Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat supaya berupaya meramal apa yang akan berlaku ke atas bangsa dan negara pada masa depan, terutama ketika mengharungi cabaran globalisasi yang hanya menguntungkan barat.

Dengan keupayaan meramalkan masa depan itu, Dr Mahathir berkata, kita mampu membuat persediaan, termasuk mengukuhkan perpaduan untuk mengelak daripada dijajah semula.

“Apabila Portugis menjatuhkan empayar Melaka pada 1511, kita mengambil masa 450 tahun untuk bangkit memerdekakan negara.

“Kalau kali ini kita dijajah lagi, saya yakin kita tidak akan dapat membebaskan diri kerana mereka mempunyai pelbagai kepintaran untuk terus menekan kita,” katanya berucap di majlis makan malam bersama rakyat sempena mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, malam ini.

Turut hadir semua ahli MT bersama kira-kira 1,000 pemimpin pelbagai peringkat, termasuk bahagian dan cawangan Umno di negeri ini, serta kakitangan kerajaan.